

## HAK REPRODUKTIF KANAK-KANAK DI MALAYSIA

### ABSTRAK

Isu sosial kanak-kanak yang terlibat dengan hubungan seks, kadar kehamilan remaja, pembuangan bayi dan penderaan seksual kanak-kanak semakin banyak berlaku di Malaysia. Ini menjadi asas untuk meninjau hak reproduktif kanak-kanak di Malaysia dengan menggunakan Konvensyen Hak Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, sebagai rangka kerja. Konvensyen Hak Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu selaku rangka kerja antarabangsa, menetapkan tahap pematuhan hak kanak-kanak tertentu tetapi terdapat jurang dalam tahap pematuhan memandangkan keadaan sosio-budaya Malaysia. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis rangka kerja kebangsaan dan antarabangsa yang berkaitan dengan hak reproduktif kanak-kanak dan dengan menggunakan kaedah sosio-undang-undang, untuk mengenal pasti sama ada terdapat kekurangan yang jelas. Kajian ini adalah kajian sosio-undang-undang hak-hak reproduktif kanak-kanak dan merupakan kajian kualitatif. Oleh itu, selain dari kajian undang-undang dan dasar-dasar yang relevan, temubual separauh struktur dijalankan dengan pihak-pihak khusus dan kanak-kanak perempuan yang tinggal di tempat perlindungan khusus. Dari segi akses kepada perkhidmatan kesihatan seksual dan reproduktif, dua faktor kadangkala menentukan arah perkhidmatan yang di beri. Pertamanya, keizinan ataupun persetujuan kanak-kanak tidak di anggap sah dari segi undang-undang dan faktor kedua adalah kewajipan pegawai perubatan untuk membuat laporan sekiranya penderaan kanak-kanak disyaki. Sebilangan besar responden berpendapat bahawa hak kanak-kanak terjejas dalam kes kanak-kanak yang berkahwin bawah umur. Sebilangan besar responden juga bersetuju bahawa pendidikan seksualiti yang komprehensif harus di laksanakan di sekolah dan langkah tersebut akan membawa manfaat kepada kanak-kanak. Pegawai perubatan perlu diberi budi bicara untuk memutuskan sama ada kanak-kanak mempunyai kematangan, pemahaman dan kecerdasan yang mencukupi untuk memahami jenis rawatan yang dicadangkan. Di dalam situasi mana laporan wajib telah diamanahkan oleh undang-undang, pegawai perubatan harus merakamkan hasrat dan perasaan kanak-kanak. Sebilangan besar responden juga berpendapat bahawa pendidikan seks di sekolah perlu dikaji semula.